

# Bisnes

bbbiz@bh.com.my

Jumlah urus niaga lima bulan pertama ketika COVID-19 naik 11.93 peratus

Oleh Alzahrin Alias  
zahrin@bh.com.my

**Kedudukan** Malaysia sebagai antara rakan dagangan utama Amerika Syarikat (AS) tidak akan terjejas walaupun republik itu kini merekodkan kes positif COVID-19 tertinggi pada peringkat global.

Pengurus Pembangunan Perniagaan Putra Business School (PBS), Prof Madya Dr Ahmed Razman Abdul Latiff, berkata berdasarkan perangkaan semasa, kedudukan Malaysia sebagai rakan dagang AS tidak terkesan teruk sepanjang pandemik COVID-19.

Malah, tegasnya jumlah dagangan Malaysia dengan AS untuk lima bulan pertama tahun ini bernilai AS\$18.02 bilion (RM77.1 bilion), peningkatan 11.93 peratus berbanding lima bulan pertama 2019.

“Eksport Malaysia ke AS me-

# Hubungan dagang Malaysia-AS tak terjejas



Ahmed Razman  
Abdul Latiff

ningkat 13.62 peratus dan import barang AS ke Malaysia turut naik 6.97 peratus. Ini menjadikan Malaysia rakan dagang ke-18 terpenting untuk AS, naik satu tangga daripada kedudukan ke-19 pada tahun lalu.

“Antara barang utama dieksport ke AS ialah cip komputer bernilai AS\$5.98 bilion, semikonduktor (AS\$1.44 bilion), komponen telefon pintar (AS\$945.41 juta), barang berdasarkan getah (AS\$762.35 juta) dan pencetak (AS\$713.75 juta).

“Oleh itu, walaupun berlaku ketidaktentuan sosiopolitik serta ekonomi di AS, Malaysia masih mampu kekal antara rakan dagang utama AS,” katanya.

Mengulas lanjut, Ahmed Razman berkata, apa yang harus dilakukan kerajaan kini adalah memastikan hubungan dua hala terus diperkuuhkan, di samping mempelbagaikan pasaran untuk barang.

“Selepas ini bakal berlaku ketidakpastian berkaitan perang tarif AS-China yang belum memperlihatkan penyelesaiannya,” katanya.

Penganalisis ekonomi, Prof Madya Aimi Zulhazmi Abdul Rashid dari UniKL Business School pula mempunyai pandangan berbeza dengan berkata jika AS tidak merekodkan

pemulihan akibat COVID-19, ia akan menjelaskan ekonomi global serta kedudukannya sebagai kuasa ekonomi terbesar dunia.

Beliau berkata, kemelesetan ekonomi di AS memberikan tekanan kepada ekonomi dunia umumnya, termasuk Malaysia yang banyak bergantung kepada perdagangan antarabangsa.

“Ia juga memaksa Malaysia

bergantung kepada ekonomi tempatan untuk membangunkan semula negara akibat COVID-19. Keadaan ini dijangka berterusan sehingga ekonomi global yang diterajui AS kembali pulih.

“Malaysia harus bersiap se- dia mencari pasaran baharu bagi mengurangkan kebergantungan kepada AS,” katanya.

Timbalan Pengarah Institut Dasar Ekonomi dan Kewangan, Universiti Utara Malaysia, Prof Madya Dr Irwan Shah Zainal Abidin turut menyatakan negara boleh terkesan dari sudut eksport, pelaburan, pelancongan, serta pendidikan.

Namun, beliau berkata, Malaysia boleh mengatasi masalah ini dengan meningkatkan kekuatan ekonomi domestik, terutama menambah tahap penggunaan swasta dan merangsang sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS), pelancongan serta pendidikan.

“Ini sudah dilaksanakan dalam pakej rangsangan ekonomi. Namun, dalam konteks sektor luaran menangani kesan ekonomi pasca COVID-19, kerjasama serantau seperti Pelan Tindakan Komuniti ASEAN (AEC) serta pembentukan blok ekonomi baharu seperti Perjanjian Komprehensif dan Progresif

bagi Perkongsian Trans-Pasifik (CPTPP) dan Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) adalah strategi terbaik bagi Malaysia supaya tidak terlalu bergantung kepada AS dalam masa terdekat ini,” katanya.

Sementara itu, Prof Madya Dr Mohd Yusof Saari dari Sekolah Perniagaan dan Ekonomi Universiti Putra Malaysia berkata, AS mengambil pendekatan lebih liberal dalam mena-

ngani COVID-19. “AS membuat keputusan berdasarkan pertimbangan baha- hawa impak ekonomi akibat perintah penutupan atau ka- walau, jika dilaksanakan lebih besar berbanding pendekatan kini (pendekatan pasaran).

“Pandemik di AS dan negara lain memberi kesan kepada ekonomi Malaysia. Namun, jika AS mengambil pendekatan pe- nutupan, Malaysia dan negara lain yang berdagang dengan- nya akan tambah terkesan,” katanya.

Mohd Yusof yang juga Sekretariat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) berkata, ekonomi dunia akan terkesan kerana AS antara negara yang menjadi penyumbang besar kepada per- tumbuhan Keluaran Dalam Ne- gara Kasar (KDNK) global se- lain China, Russia dan Jerman.



**Malaysia harus bersiap sedia cari pasaran baharu bagi mengurangkan kebergantungan kepada AS.**

**Aimi Zulhazmi Abdul Rashid,**  
Penganalisis ekonomi